

Qalam

Bilangan 72 Zulhijah 1375 Julai 1956 60 sen

Kita Dengan Qadyani

Perkara Qadyani telah heboh lagi di surat khabar-surat khabar setelah beberapa tahun senyap. Pejabat-pejabat agama nampaknya telah mengambil langkah mengharamkan Qadyani dan terbit daripada itu maka sebahagian pihak memandang langkah pejabat-pejabat agama itu seolah-olah menghalangi kebebasan beragama di negeri kita ini.

Kita berpendapat bahawa pejabat-pejabat agama dan pertubuhan Islam sama ada di Persekutuan Tanah Melayu atau pun Singapura adalah menghormati hak-hak beragama bagi masing-masing orang dan tidak pernah kita mendengar ada sesuatu bantahan terhadap langkah-langkah agama lain dalam menjalankan tugasnya seperti Buddha, Hindu, Kristian dan sebagainya. Bahkan di Singapura telah berdiri satu pertubuhan agama dengan nama "*Inter-Religion Association*" yang tujuannya untuk merapatkan kerjasama dan persefahaman di antara agama-agama itu.

Daripada ini terbit suatu pertanyaan mengapa maka tidak dapat diadakan kerjasama dan persefahaman dengan Qadyani?

Jawapan kepada soalan ini ialah kerana Qadyani itu bukanlah suatu agama yang keadaannya sama seperti Kristian, Buddha, Hindu, tetapi adanya Qadyani itu tidak lain kerana cuba memutar iktikad orang-orang Islam atau mengacau pengertian orang-orang Islam yang dianut oleh orang-orang Islam dengan berdasarkan al-Quran dan al-hadis.

serta dasar persaudaraan dan sepengertian yang ada dalam lingkungan orang-orang Islam.

Terangnya Qadyani adalah berjalan merosak iktikad dan kepercayaan orang-orang Islam dan pihak ahli al-sunnah wa al-Jamiah di mana-mana jua di dalam dunia ini telah menetapkan bahawa ia bukannya Islam-hanya sanya suatu pengertian yang bakal merosakkan orang-orang Islam. Kerana itu maka kita berpendapat sudah sewajarnya tiap-tiap pejabat agama di Persekutuan Tanah Melayu mengharamkan Qadyani dan kita menuntut supaya Raja-raja Melayu melaksanakan yang demikian itu. Ini tidak bermakna menghalang kebebasan beragama tetapi adalah menjauhkan orang-orang Islam mengubah iktikadnya kepada iktikadyang sesat yang telah difatwakan oleh seluruh ulama-ulama Islam daripada ahli al-sunnah wa al-Jamiah. Tidak ada sekatan atau langkah yang diambil oleh orang-orang Islam kepada agama-agama lain kerana agama-agama itu tidak mengacau dan tidak menjalar ke dalam agama Islam iaitu berlainan daripada apa yang telah dijalankan oleh Qadyani.

Inilah sebabnya maka kita menuntut supaya Sultan-sultan menjalankan langkah-langkah kuasanya. Untuk mengharamkan Qadyani di seluruh Semenanjung Tanah Melayu.

* * *

Ketua Menteri Persekutuan Dengan Othman Ghani

Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu Tengku Abdul Rahman dikatakan telah menyampaikan suatu permintaan kepada Gabenor Singapura untuk membebaskan Othman Ghani dan beberapa orang lagi yang masih dalam penjara terbit daripada rusuhan Natrah dahulu.

Sekali imbas memang langkah Ketua Menteri dihargai tetapi dengan sifat beliau sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu mendatangkan satu permohonan kepada Gabenor Singapura di luar daerahnya adalah

menjadi satu pertanyaan yang besar disebabkan kita mengetahui bahawa yang demikian itu adalah menyalahi atau tidak sesuai dengan kedudukannya sekarang, sebagai Ketua Menteri Persekutuan, yang boleh dipandang orang mencampuri suatu hal yang telah diselenggarakan oleh sebuah mahkamah di Singapura ini. Hal yang demikian ini patut dikaji supaya jangan nanti cita-cita yang baik itu akan merosakan langkah yang patut di dapat faedahnya oleh orang-orang yang berkenaan.

Di sebalik itu kita berharap dengan sangat mudah-mudahan Gabenor Singapura akan menimbangkan perkara itu dengan suatu pengampunan yang besar ertinya kepada umat Islam disebabkan perkara itu telah reda dan harus pula di dalam perkara itu bagi mereka yang berkenaan telah menjadi pengajaran-pengajaran yang berfaedah kepada mereka pada masa akan datang.

* * *


Pengajian Bahasa Arab di Universiti

Universiti Malaya telah mengeluarkan iklan mencari tiga orang pensyarah atau penolong pensyarah untuk mengajar dua bahasa Melayu dan seorang bahasa Arab.

Langkah ini sudah tentu disambut dengan gembira oleh orang-orang Islam di Semenanjung Tanah Melayu kerana sudah terang bukannya sahaja ia meluaskan atau membesarkan.

Perhatian:

Makalah "Hasil-Hasil Lawatan Ke Republik China" yang dimuatkan dalam muka tambahan itu, yang ditulis oleh al-Mas'udi sebenarnya ialah Kiyai Saleh Suaidi.



*Suatu pemandangan dalam mesyuarat agung
Jamiah al-Dakwah al-Islamiyah Singapura
pada bulan yang lalu.*

Pelajaran Melayu tetapi juga memandangkan mustahak pengajian-pengajian bahasa Arab iaitu perkara yang sangat penting untuk perkembangan agama di Semenanjung Tanah Melayu ini. Tidak dapat dinafikan bahawa pengajian-pengajian agama tidak akan sempurna jika tidak ada disertakan dengan pelajaran bahasa Arab dan yang demikian pula kelak melebihi penghargaan kaum-kaum pelajar kita kepada pengertian bahasa itu untuk masa yang akan datang. Mudah-mudahan pengajian bahasa Arab itu akan bertambah luas lagi.